



24 April 2012
24 April 2012
P.U. (A) 106

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN) 2012

*ELECTIONS (REGISTRATION OF ELECTORS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 April 2012.

Pindaan peraturan 12

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [*P.U. (A) 293/2002*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 12 dengan memotong subperaturan (3).

Pindaan peraturan 14

3. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dalam masa tujuh hari dari tarikh” dengan perkataan “pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja dalam tempoh”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “penuntut-penuntut” perkataan “bagi membolehkan nama dan alamat itu diperiksa pada waktu yang dinyatakan dalam notis itu”.

Pindaan peraturan 15

4. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“ (2) Tiap-tiap bantahan oleh orang yang disebut dalam subperaturan (1), kemudian daripada ini disebut “pembantah”, hendaklah dibuat dalam Borang C dalam Jadual dan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar bagi kawasan pendaftarannya pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja dalam tempoh yang daftar pemilih tambahan itu terbuka untuk diperiksa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subperaturan 13(5).”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“ (2A) Dalam hal bantahan mengenai kemasukan nama seseorang penuntut ke dalam daftar pemilih tambahan, pembantah hendaklah menyerahkan Borang C kepada Pendaftar bagi kawasan pendaftarannya pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja dalam tempoh yang nama dan alamat penuntut itu dipamerkan untuk diperiksa seperti yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subperaturan 14(3).”; dan

(c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “dua puluh”.

Peraturan baru 21A

5. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 21 peraturan yang berikut:

“Pemerakuan daftar pemilih tambahan bagi mana-mana orang yang namanya tidak terlibat dengan apa-apa tuntutan atau bantahan

21A. (1) Pendaftar bagi setiap kawasan pendaftaran hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas tamat tempoh untuk membuat tuntutan atau bantahan tamat, memperakui daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran itu bagi mana-mana orang yang namanya tidak terlibat dengan apa-apa tuntutan atau bantahan bagi kawasan pendaftaran itu dalam Borang F dalam Jadual.

(2) Pendaftar hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas pemerakuan itu, memberikan notis dalam *Warta* bahawa daftar pemilih tambahan itu, atau suatu salinan daftar itu, terbuka untuk diperiksa pada bila-bila waktu yang munasabah yang dinyatakan dalam notis itu di pejabat Pendaftar atau di mana-mana tempat di dalam kawasan pendaftaran yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Notis di bawah subperaturan (2) boleh diberikan oleh—

(a) Ketua Pendaftar berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi lebih daripada satu kawasan pendaftaran; atau

(b) Pendaftar berkenaan dengan satu kawasan pendaftaran atau satu unit pendaftaran.

(4) Daftar pemilih tambahan yang diperakui itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh notis di bawah subperaturan (2) disiarkan dalam *Warta* dan, tertakluk kepada apa-apa perubahan dalam daftar pemilih tambahan itu, jika ada, daftar pemilih tambahan itu hendaklah terus berkuat kuasa

sehingga daftar pemilih tambahan itu digabungkan dengan daftar pemilih induk dan kemudiannya diperakui semula.”.

Pindaan peraturan 22

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 22 dengan peraturan yang berikut:

“Pemerakuan daftar pemilih tambahan bagi mana-mana orang yang terlibat dengan apa-apa tuntutan atau bantahan

22. (1) Pendaftar bagi setiap kawasan pendaftaran hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas tuntutan atau bantahan diputuskan bagi mana-mana orang yang terlibat dengan tuntutan atau bantahan itu, memperakui daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran itu dalam Borang F dalam Jadual.

(2) Pendaftar hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas pemerakuan itu, memberikan notis dalam *Warta* bahawa daftar pemilih tambahan itu, atau suatu salinan daftar itu, terbuka untuk diperiksa pada bila-bila waktu yang munasabah yang dinyatakan dalam notis itu di pejabat Pendaftar atau di mana-mana tempat di dalam kawasan pendaftaran yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Notis di bawah subperaturan (2) boleh diberikan oleh—

(a) Ketua Pendaftar berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi lebih daripada satu kawasan pendaftaran; atau

(b) Pendaftar berkenaan dengan satu kawasan pendaftaran atau satu unit pendaftaran.

(4) Daftar pemilih tambahan yang diperakui itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh notis di bawah subperaturan (2) disiarkan dalam